

12/11/1999

Wanita minta tambah calon setiap negeri

KUANTAN, Khamis - Pergerakan Wanita Umno akan mengemukakan permohonan kepada pucuk pimpinan parti bagi menambah calon wanita sekurang-kurangnya dua orang di setiap negeri pada pilihan raya umum akan datang.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata permohonan itu akan diserahkan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersama senarai calon lain, secepat mungkin.

"Cadangan menambah calon wanita daripada parti itu turut akan dirundingkan dengan Ketua Wanita Umno negeri sebelum dihantar kepada Perdana Menteri.

"Terserahlah kepada Dr Mahathir untuk membuat keputusan sama ada menerima atau menolaknya," katanya selepas merasmikan Sistem Membuat Aduan Melalui Komputer anjuran Biro Pengaduan Awam (BPA) di Kolej Yayasan Pelajaran Mara, di sini, hari ini.

Sistem itu dibekalkan oleh Kumpulan Guthrie Sdn Bhd melalui anak syarikatnya, Guthrie Technologies Sdn Bhd kepada BPA bagi menggalakkan penggunaan komputer di kalangan orang ramai.

Menurut Zaharah, pihaknya tidak menetapkan kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri yang perlu diisi calon wanita Umno kecuali mencadangkan tambahan dua calon di setiap negeri.

"Kita merasakan permohonan itu munasabah selepas mengambil kira fungsi dan kepentingan wanita sekarang. Wanita memang beremosi tetapi kaum hawa itu tetap utuh dari segi kemampuan, pendirian dan sokongan," katanya.

Zaharah yang juga Ahli Parlimen Paya Besar meminta wanita di negara ini jangan mudah lupa dengan jasa kerajaan Barisan Nasional (BN) sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Janganlah kita memusnahkan kelambu kerana marahkan nyamuk. Ini amalan yang tidak baik," katanya.

Mengenai Sistem Membuat Aduan Melalui Komputer, beliau berkata, ia memudahkan lagi orang ramai membuat aduan kepada BPA selain berpeluang mengenali komputer lebih dekat.

"Sistem itu dilancarkan di Parlimen Paya Besar sebagai projek perintis sebelum diperluaskan ke negeri lain seperti Kuala Terengganu, Kedah dan Kelantan," katanya.

(END)